

1

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

- LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
- LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
- LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
- LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
 - Pengurusan Program Dana Jaminan Makanan di Bawah PRIHATIN

PENGURUSAN PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN DI BAWAH PRIHATIN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA



RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, pengurusan projek adalah memuaskan yang mana 78% projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Namun, keberhasilan program tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021 yang menjejaskan sasaran pengeluaran hasil. Pengurusan program adalah kurang memuaskan dari aspek pengurusan perolehan serta penggunaan peralatan dan menyebabkan manfaat program tidak diperoleh secara optimum oleh golongan sasaran".

Objektif: Memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dalam tempoh pandemik dengan menggalakkan pengeluaran domestik



RM190 Juta

Jumlah Peruntukan PRIHATIN

RM137.57 Juta

Skop Pengauditan



2020 - 2021

Tempoh Pelaksanaan

1,248 Projek

Kementerian: MAFI

Agensi



FAMA:
RM30 JUTA



LPP:
RM49.57 JUTA




LPNM:
RM13 JUTA




LKIM:
RM45 JUTA

PENCAPAIAN OUTPUT

% PELAKSANAAN PROJEK



% PELAKSANAAN PROJEK



PENCAPAIAN KEBERHASILAN



PENCAPAIAN KESELURUHAN: 71.8%



77.4%
Sasar: 32,000MT
Capai: 24,771.61MT

Modal Pusingan



Harga Lantai

36%
Sasar: 5,000MT
Capai: 1,800MT



PENCAPAIAN KESELURUHAN: 74.4%



74.4%
Sasar: 5,797
Capai: 4,312



PENCAPAIAN KESELURUHAN: 68.8%



1,796.4%
Sasar: 2.81MT
Capai: 50.48MT



92.4%
Sasar: 368.59MT
Capai: 340.40MT



78%
Sasar: 7,616.43MT
Capai: 5,941.04MT



24.4%
Sasar: 641.55MT
Capai: 156.53MT



18%
Sasar: 227.12MT
Capai: 40.93MT



16.8%
Sasar: 840.42MT
Capai: 141.12MT



PENCAPAIAN KESELURUHAN: 17.4%



Dana Khas PNK

17.4%
Sasar: 5,540MT
Capai: 964MT



Sasar: 5,900MT
Capai: Tiada Maklumat

PENGURUSAN PROGRAM



Proses perolehan bagi 2 projek tidak dapat dimulakan sehingga akhir tahun 2021 kerana syarikat yang dicadangkan oleh LKIM tidak mempunyai kapasiti untuk beroperasi.



Kegagalan LKIM mengenal pasti kaedah pelaksanaan projek Pasar Nelayan *Mobile* menyebabkan projek tersebut serta 2 projek yang berkaitan masih belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021.



Sejumlah RM521,180.16 telah digunakan oleh FAMA untuk bayaran pertama perolehan sewaan komputer yang tidak termasuk dalam skop Program Dana Jaminan Makanan.



15 jenis aset/peralatan yang dibekalkan oleh LPP, LPNM dan LKIM bernilai RM1.33 juta tidak digunakan.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN*
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
PENGURUSAN PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN
DI BAWAH PRIHATIN**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu meringankan beban rakyat dan komuniti perniagaan semasa tempoh pandemik akibat penularan Covid-19. Program Dana Jaminan Makanan merupakan salah satu program yang telah diumumkan di bawah pakej tersebut dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion.
- Program Dana Jaminan Makanan dilaksanakan melalui empat strategi iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN (RM190 juta), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA (RM250 juta), peruntukan kepada negeri (RM100 juta) dan projek pembangunan (RM460 juta).
- Pengauditan ini hanya meliputi Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN dengan peruntukan berjumlah RM190 juta. Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan program telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dalam tempoh pandemik dengan menggalakkan pengeluaran domestik.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN bagi tempoh tahun 2020 hingga 2021. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program pula meliputi dua perkara iaitu pengurusan perolehan dan penggunaan peralatan.

* Kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

- Pengauditan ini melibatkan empat agensi yang terlibat iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pengauditan ini dilaksanakan terhadap enam skop program melibatkan 1,248 projek.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai sama ada penyaluran pelbagai bantuan kepada petani/penternak/nelayan melalui program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN telah mencapai objektif ditetapkan iaitu memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dalam tempoh pandemik dengan menggalakkan pengeluaran domestik.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa pengurusan projek adalah memuaskan yang mana 78% projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Namun, keberhasilan program tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021 yang menjejaskan sasaran pengeluaran hasil. Pengurusan program adalah kurang memuaskan dari aspek pengurusan perolehan serta penggunaan peralatan dan menyebabkan manfaat program tidak diperoleh secara optimum oleh golongan sasar. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Kesemua agensi tidak mencapai sasaran hasil pengeluaran/penerima insentif yang ditetapkan dalam tempoh pandemik.
 - Keputusan LKIM mencadangkan pelantikan anak syarikat LKIM yang tidak mempunyai kapasiti untuk beroperasi telah menyebabkan proses perolehan bagi dua projek tidak dapat diteruskan dan projek tidak dapat dimulakan sehingga akhir tahun 2021.
 - Kegagalan mengenal pasti kaedah pelaksanaan projek Pasar Nelayan *Mobile* menyebabkan projek tersebut serta dua projek yang berkaitan masih belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021.
 - Sejumlah RM521,180.16 telah digunakan oleh FAMA untuk bayaran pertama perolehan sewaan komputer yang tidak termasuk dalam skop Program Dana Jaminan Makanan.

- 16 jenis peralatan yang dibekalkan oleh LPP, LPNM dan LKIM tidak digunakan. Nilai keseluruhan bagi 15 jenis peralatan yang tidak digunakan adalah berjumlah RM1.33 juta manakala nilai peralatan bagi satu projek tidak dapat ditentukan kerana perolehan dibuat secara pukal.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:
 - Pemantauan terhadap pelaksanaan program perlu dijalankan secara berterusan melibatkan semua peringkat bagi memastikan program siap dilaksanakan, peruntukan dibelanjakan mengikut perancangan dan peralatan yang dibekalkan digunakan secara optimum.
 - MAFI dan Agensi menetapkan indikator untuk menilai pencapaian objektif program termasuk program yang dilaksanakan secara *ad hoc* bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN*

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

1. PENGURUSAN PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN DI BAWAH PRIHATIN

FAKTA UTAMA

RM190 Juta Peruntukan Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN yang disalurkan kepada MAFI	RM105.89 Juta Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2021	1,248 Projek Bilangan projek yang diluluskan	973 Projek Projek siap dilaksanakan sehingga 31 Disember 2021
Tempoh Pelaksanaan Program	Tahun 2020 hingga 2021		
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	Kementerian yang bertanggungjawab secara keseluruhan		
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Agensi pelaksana skop program Stok Bekalan Makanan		
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Agensi pelaksana skop program Dana Khas Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan		
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Agensi pelaksana skop program Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas		
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Agensi pelaksana skop program Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku serta Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)		

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu meringankan beban rakyat dan komuniti perniagaan semasa tempoh pandemik akibat penularan Covid-19. Program Dana Jaminan Makanan merupakan salah satu program yang telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion. Objektif program ini adalah memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dengan menyalurkan pelbagai bantuan kepada petani, penternak dan nelayan untuk menggalakkan pengeluaran domestik.


1.2. Program Dana Jaminan Makanan dilaksanakan melalui empat strategi iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN (RM190 juta), Pelan Jana Semula

* Kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Ekonomi Negara atau PENJANA (RM250 juta), peruntukan kepada negeri (RM100 juta) dan projek pembangunan (RM460 juta). Bagaimanapun, pengauditan ini hanya meliputi Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN dengan peruntukan berjumlah RM190 juta.

1.3. Peruntukan berjumlah RM190 juta telah disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 19 Mei 2020. Seterusnya peruntukan tersebut telah disalurkan kepada empat agensi di bawahnya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada 20 Mei 2020. Peruntukan juga turut disalurkan kepada Bahagian Pembangunan Industri Padi, MAFI pada 27 Mei 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
SKOP PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN DI BAWAH PRIHATIN



Sumber: Kelulusan Permohonan *Notice of Change* (NOC) bagi Pewujudan Butiran Baharu Untuk Projek yang Diluluskan di Bawah PRIHATIN

Nota: (*) - Daripada RM50 juta yang diperuntukkan, hanya RM39.57 juta diperuntukkan kepada Pertubuhan Peladang di bawah LPP. Baki RM10.43 juta pula disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu dan Jabatan Pertanian (DOA) Sarawak

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN


Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dalam tempoh pandemik dengan menggalakkan pengeluaran domestik.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2020 hingga 2021. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program pula dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pengurusan perolehan dan penggunaan peralatan.

3.2. Pengauditan ini dijalankan terhadap enam (85.7%) daripada tujuh skop program melibatkan peruntukan berjumlah RM137.57 juta di empat agensi iaitu FAMA, LPP, LPNM dan LKIM. Pemeriksaan fizikal Audit juga telah dijalankan terhadap 299 daripada 1,248 projek (24%) di negeri Johor, Kedah, Pahang, Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
SKOP PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN DI BAWAH PRIHATIN



Sumber: FAMA, LPP, LPNM, LKIM dan Jabatan Audit Negara

3.3. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan bilangan projek tertinggi atau jumlah peruntukan tertinggi yang meliputi zon utara, zon tengah, zon selatan dan zon timur. Pengauditan tidak dilaksanakan terhadap projek yang dijalankan di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan disebabkan oleh kekangan pergerakan dan prosedur berkaitan wabak Covid-19 yang perlu dipatuhi. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SKOP PROGRAM YANG DIAUDIT MENGIKUT AGENSI

BIL.	AGENSI PELAKSANA	SKOP PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)			PROJEK (Bilangan)			NEGERI
			SALUR	SAMPEL	%	POPULASI	LAWATAN FIZIKAL	%	
1.	FAMA	Stok Bekalan Makanan	30.00	20.12	67.1	25	3	12.0	Johor Selangor
2.	LPP	Dana Khas PPK	39.57	5.95	15.0	467	71 (108 pengusaha)	15.2	Johor Pahang Perak Selangor
		Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan	10.00	3.50	35.0	597	188	31.5	
3.	LPNM	Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas	13.00	8.62	66.3	13	10	76.9	Johor
4.	LKIM	Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku	30.00	22.21	74.0	15	5	33.3	Johor Kedah Pahang Selangor WPKL
		Dana Khas PNK	15.00	3.79	25.3	131	22	16.8	
JUMLAH			137.57	64.19	46.7	1,248	299	24.0	

Sumber: FAMA, LPP, LPNM, LKIM dan Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di MAFI dan empat agensi yang terlibat dengan pelaksanaan Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN. Selain itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat serta lawatan fizikal ke tapak projek turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober 2021 hingga bulan Februari 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 7 Oktober 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program


5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Status Pelaksanaan Projek

- a. Surat Kementerian Kewangan (MoF) bertarikh 30 September 2020 menyatakan projek yang diluluskan di bawah Program Dana Jaminan Makanan perlu dilaksanakan dalam tempoh dua tahun iaitu pada tahun 2020 hingga 2021.


- b. Semakan Audit terhadap maklumat/data yang diperoleh daripada pihak FAMA, LPP, LPNM dan LKIM mendapati status pelaksanaan 1,248 projek sehingga 31 Disember 2021 adalah 78% siap, 19.9% sedang laksana dan 2.1% belum mula. Butiran status pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Carta 1**, manakala status pelaksanaan projek mengikut skop program adalah seperti dalam **Carta 2** dan contoh projek dalam fasa pelaksanaan seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

CARTA 1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2021



Sumber: FAMA, LPP, LPNM, LKIM dan Jabatan Audit Negara

CARTA 2
STATUS PELAKSANAAN PROJEK MENGIKUT SKOP PROGRAM SEHINGGA 31 DISEMBER 2021



Sumber: FAMA, LPP, LPNM, LKIM dan Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1



Projek Fertigasi Terung Usahawan PPK Maran,
Pahang
- Projek di Peringkat Pemasangan Peralatan
(28.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Projek Fertigasi Gantung Usahawan PPK Batu
Pahat Tengah, Johor
- Projek di Peringkat Pemasangan Peralatan
(29.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Sehingga 31 Disember 2021, secara keseluruhan peratus penyiapan projek oleh FAMA adalah pada kadar 96%, LPP pada kadar 84.3%, LPNM pada kadar 53.8% dan LKIM adalah yang terendah berbanding agensi lain iaitu pada kadar 30.8%. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2021 bagi projek siap/sedang laksana adalah RM105.89 juta atau 77%.
- d. Semakan Audit mendapati kesemua agensi pelaksana kecuali FAMA telah menubuhkan jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan projek. Semakan terhadap minit mesyuarat jawatankuasa di peringkat LPNM dan LKIM mendapati mesyuarat telah membincangkan status pelaksanaan projek dan isu berbangkit serta prestasi perbelanjaan. Bagaimanapun, **pemantauan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa adalah kurang berkesan**. Hal ini disebabkan oleh tiada perbincangan susulan mengenai isu berbangkit dalam mesyuarat berikutnya yang memberi kesan kepada pencapaian output. Mesyuarat pemantauan di peringkat LPP hanya membincangkan mengenai status pelaksanaan projek dan prestasi perbelanjaan.
- e. Faktor lain yang menyebabkan projek tidak disiapkan/tidak dilaksanakan sebelum akhir tahun 2021 adalah seperti berikut:

i. Kelewatan Memulakan Proses Perolehan – Dana Khas PPK, LPP

Semakan Audit terhadap 104 sampel perolehan mendapati proses perolehan bagi 90 daripadanya hanya dimulakan antara empat hingga 338 hari selepas tarikh jangka mula projek. Perkara ini telah menyebabkan kerja awalan lewat dimulakan atau peralatan/input pertanian lewat dibekalkan kepada petani/penternak dan seterusnya projek lewat dimulakan.

ii. Proses Saringan Peserta dan Masalah Kontraktor

LPNM tidak dapat menyelesaikan proses saringan peserta bagi pengagihan insentif fasa kedua sebelum berakhir tahun 2021 bagi skop program Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas. Selain itu, satu projek di bawah skop program ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan permasalahan yang dihadapi oleh kontraktor.

iii. Kelewatan Penyaluran Peruntukan kepada Pelaksana – Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan, LKIM

MAFI menyalurkan peruntukan kepada LKIM pada 20 Mei 2020. Bagaimanapun, LKIM hanya menyalurkan peruntukan kepada Persatuan Nelayan secara berperingkat mulai 17 Disember 2020 hingga 10 Ogos 2021 dengan **tempoh kelewatan antara 211 hingga 447 hari**.

iv. Kelemahan Peringkat Perancangan – Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku, LKIM

Kegagalan LKIM melantik kontraktor serta mengenal pasti kaedah terbaik pelaksanaan projek menyebabkan proses perolehan tidak dilaksanakan bagi lima projek di bawah skop program Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 2 September dan 13 Oktober 2022

MAFI maklum sebahagian projek yang dilaksanakan oleh agensi berprestasi rendah dan tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Antara punca projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh berdasarkan maklum balas agensi adalah:

- a. Penguatkuasaan PKP telah mengehadkan pergerakan kontraktor dan pembekal dan ini menyebabkan projek lambat siap.
- b. Urusan perolehan tidak dapat dibuat lebih awal disebabkan arahan PKP yang mengehadkan jumlah kehadiran kakitangan ke pejabat secara fizikal. Hal ini menyebabkan proses penyediaan dan penilaian sebut harga dan tender mengalami kelewatan.

MAFI telah membuat permohonan pelanjutan tempoh pelaksanaan projek kepada MoF pada 22 September 2022 dan MoF telah memberi kelulusan terhadap permohonan tersebut pada 5 Oktober 2022.

Maklum balas FAMA, LPP, LPNM dan LKIM yang diterima pada 7 Oktober dan 22 Disember 2022

FAMA – Satu projek masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka selesai pada akhir tahun 2022.

LPP – Semua projek telah siap dilaksanakan dan pembayaran selesai dibuat pada November 2022.

LPNM – Satu projek masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu dalam proses pelantikan kontraktor penyelamat.

LKIM – Dua projek sedang dalam peringkat pelaksanaan yang mana Surat Niat/Surat Setuju Terima telah dikeluarkan manakala tiga projek masih belum dimulakan.

Maklum balas MoF yang diterima pada 4 Oktober 2022

MAFI perlu memastikan program dan peruntukan Dana Jaminan Makanan (DJM) di bawah PRIHATIN dilaksanakan dan dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya program tersebut tidak dapat dilaksanakan sebelum akhir tahun 2021, pihak MAFI perlu mendapatkan kelulusan MoF bagi tujuan lanjutan tempoh pelaksanaan program tersebut. MAFI/BBP perlu memaklumkan kepada MoF sekiranya masih ada baki penjimatan setelah pelaksanaan program DJM selesai bagi tujuan penutupan akaun KWC.

Pendapat Audit	Secara umumnya, tiada agensi yang dapat menyiapkan kesemua projek sehingga akhir tahun 2021 seperti yang ditetapkan. Perkara ini disebabkan kelemahan pengurusan bagi projek yang perlu dilaksanakan dalam tempoh segera/darurat dan kekangan pergerakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
-----------------------	---

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN dinilai berdasarkan pencapaian objektif dan pencapaian hasil pengeluaran mengikut skop program.

5.1.2.1. Pencapaian Objektif Mengikut Skop Program

- a. FAMA, LPP, LPNM dan LKIM telah menetapkan objektif bagi setiap skop program seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
OBJEKTIF SETIAP SKOP PROGRAM BAGI DANA JAMINAN MAKANAN
DI BAWAH PRIHATIN

BIL.	AGENSI	SKOP PROGRAM	OBJEKTIF
1.	FAMA	Stok Bekalan Makanan	Menawarkan harga yang berpatutan antara lima hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.
2.	LPP	Dana Khas PPK	- Memastikan bekalan makanan terjamin. - Memperkukuhkan pendapatan pengusaha. - Mewujudkan imbalan baik dan <i>sustain partnership</i> antara Pertubuhan Peladang (PP) dan usahawan.
3.		Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan	- Melengkapkan kemudahan prasarana outlet pemasaran PP. - Memastikan bekalan makanan yang dikeluarkan oleh PP dan ahli peladang dapat dihantar ke saluran pasaran PP dan pihak swasta pada waktu yang ditetapkan.
4.	LPNM	Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas	- Memperkasa saluran pemasaran dan pengedaran buah-buahan nanas dalam tempoh PKP dan pasca PKP akibat Covid-19 bagi memastikan sistem rantaian bekalan nanas tidak terganggu dan seterusnya menjamin pasaran dan kestabilan aktiviti pengedaran. - Memperkukuh dan merancakkan semula momentum industri nanas pasca PKP, mempelbagaikan kaedah pemasaran dan membiasakan norma baharu, meningkatkan kesedaran tentang khasiat nanas dan sekaligus dapat meningkatkan imuniti badan yang boleh mengurangkan penyakit serta membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui diskaun harga dan harga promosi melalui kupon dan sebagainya.
5.	LKIM	Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku	Memperkukuhkan rantaian pemasaran ikan dari peringkat pendaratan hingga ke pengguna akhir terutamanya golongan B40.
6.		Dana Khas PNK	Membangunkan projek agromakanan jangka pendek yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan bagi memastikan bekalan makanan terjamin.

Sumber: FAMA, LPP, LPNM dan LKIM

- b. Semakan Audit mendapati FAMA telah menetapkan indikator pengukuran bagi skop program Stok Bekalan Makanan manakala **LPP, LPNM dan LKIM tidak menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian objektif terhadap lima skop program.**
- c. Objektif yang ditetapkan terhadap skop program Stok Bekalan Makanan adalah menawarkan harga yang berpatutan antara lima hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat. Penjimatan ini dijangkakan akan dapat dicapai pada akhir tahun 2020.
- d. Semakan Audit mendapati FAMA telah melaksanakan perbandingan harga pada bulan Disember 2020 antara Pasar Segar Terkawal (PST) FAMA dan pasar awam di seluruh negara bagi memantau tahap keberhasilan program ini. PST merupakan pusat jualan barangan segar serta hasil pertanian di bawah inisiatif

MAFI yang dikendalikan oleh FAMA, LPP dan LKIM. Perbandingan harga bagi 29 komoditi utama dan popular dibeli oleh pengguna telah dilaksanakan di 14 PST iaitu satu PST bagi setiap negeri.

- e. Berdasarkan perbandingan harga yang telah dilaksanakan oleh FAMA, pihak Audit mendapati kesemua 29 komoditi di negeri Sabah mengalami penjimatan harga antara 1.8% hingga 27.2% yang mana penjimatan harga bagi 26 komoditi melebihi 5%. Negeri Terengganu juga menunjukkan penjimatan antara 1.3% hingga 16.3% bagi 25 komoditi (17 komoditi melebihi 5%), satu komoditi tiada perbezaan harga dan tiga komoditi tidak dijual di pasar awam.
- f. Negeri yang menunjukkan peningkatan harga komoditi paling banyak adalah WP Putrajaya iaitu 14 daripada 29 komoditi dengan kenaikan harga antara 2.4% hingga 8.6%. Negeri Kedah pula menunjukkan peningkatan harga bagi 10 daripada 29 komoditi antara 3% hingga 38.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERBANDINGAN HARGA KOMODITI UTAMA ANTARA PST & PASAR AWAM DI NEGERI

NEGERI	HARGA KOMODITI (BIL. KOMODITI & PERATUS PENJIMATAN/PENINGKATAN HARGA)			
	LEBIH RENDAH	LEBIH TINGGI	TIADA PERBEZAAN	TIADA MAKLUMAT
Sabah	29 (1.8% - 27.2%)	-	-	-
Terengganu	25 (1.3% - 16.3%)	-	1	3
Pulau Pinang	23 (1.4% - 18.8%)	-	2	4
Melaka	17 (1.7% - 35.9%)	-	3	9
Negeri Sembilan	15 (43.4% - 70.8%)	-	-	14
Johor	12 (3.8% - 20%)	6 (5.6% - 12.5%)	4	7
Selangor	11 (0.2% - 52.4%)	1 (2.40%)	2	15
Pahang	8 (5% - 37.5%)	4 (6.7% - 16.7%)	9	8
Perlis	8 (7.1% - 28.6%)	4 (2.9% - 16.7%)	5	12
Kedah	7 (5% - 12.5%)	10 (3% - 38.5%)	4	8
WP Putrajaya	7 (1.8% - 88%)	14 (2.4% - 8.6%)	2	6
Kelantan	6 (5.6% - 16.7%)	2 (8.3% - 12.5%)	6	15
Perak	-	1 (12.5%)	-	28
Sarawak	-	-	-	29

Sumber: Laporan Perbandingan Harga Bulan Disember 2020 Bagi Pasar Segar Terkawal, FAMA

Maklum balas FAMA yang diterima pada 15 September 2022

Perbandingan harga dibuat berdasarkan varieti setiap komoditi. Bagaimanapun, harga jualan dan kutipan adalah tertakluk kepada gred komoditi tersebut. Kebiasaannya PST menjual komoditi daripada gred yang lebih baik (Premium/1) kerana bekalan yang didapati adalah terus dari ladang. Manakala komoditi yang dijual di pasar awam


kebanyakannya dari gred 2 dan telah melalui beberapa peringkat/pihak lain seperti pengumpul/peraih/pemborong.

Pendapat Audit | **Ketiadaan indikator yang jelas menyebabkan pencapaian objektif bagi lima skop program yang dilaksanakan oleh LPP, LPNM dan LKIM tidak dapat diukur. FAMA pula tidak mencapai sepenuhnya objektif yang ditetapkan iaitu menawarkan harga lebih rendah berbanding harga pasaran setempat bagi komoditi yang disemak.**

5.1.2.2. Pencapaian Hasil Pengeluaran

- a. Penilaian pencapaian hasil pengeluaran pertanian, penternakan dan perikanan adalah berdasarkan sasaran yang ditetapkan oleh agensi mengikut skop program.
- b. Analisis Audit terhadap rekod pencapaian sasaran sehingga 31 Disember 2021 mendapati perkara berikut:
 - i. FAMA telah membeli sebanyak 24,771.61 tan metrik (MT) hasil pertanian (77.4%) berbanding sasaran sebanyak 32,000 MT yang ditetapkan di bawah projek Modal Pusingan. Bagi projek Harga Lantai pula, FAMA melaporkan telah membeli sebanyak 1,800 MT hasil pertanian atau 36% daripada sasaran 5,000 MT yang ditetapkan.
 - ii. Hasil pengeluaran komoditi ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh LPP. Secara keseluruhannya, sebanyak 6,670.50 MT (68.8%) komoditi dihasilkan berbanding 9,696.92 MT yang disasarkan.
 - iii. Bilangan penerima insentif yang terlibat dalam industri nanas adalah seramai 4,312 penerima (74.4%) berbanding sasaran 5,797 yang ditetapkan oleh LPNM. Penerima insentif terdiri daripada pekebun, syarikat atau Persatuan/Koperasi/Kelompok yang terlibat dalam industri nanas.
 - iv. Hasil kendalian ikan bagi skop program Dana Khas PNK adalah sebanyak 964 MT (17.4%) berbanding sasaran 5,540 MT. Bagi skop program Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku, sasaran hasil kendalian ikan yang ditetapkan adalah 5,900 MT. Bagaimanapun, LKIM tidak merekodkan jumlah kendalian ikan bagi skop program tersebut.
 - v. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3 PENCAPAIAN SASARAN SKOP PROGRAM



Sumber: FAMA, LPP, LPNM dan LKIM

- vi. **Sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai kerana sebahagian projek masih dalam peringkat pelaksanaan atau belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021.**

Maklum balas FAMA yang diterima pada 29 Julai 2022

Sasaran belian di bawah harga lantai tidak tercapai kerana pengeluaran oleh petani berkurangan disebabkan permintaan yang terhad daripada sektor ekonomi seperti hotel, restoran, institusi pendidikan dan pemprosesan makanan akibat PKP. Pelaksanaan harga lantai dibuat apabila berlakunya kejatuhan harga ladang di bawah kos pengeluaran.

Maklum balas LPP yang diterima pada 23 Ogos 2022 dan 3 Oktober 2022

Ketidakcapaian sasaran disebabkan oleh serangan penyakit, sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan banjir. Pencapaian pengeluaran hasil terkini berakhir Julai 2022 adalah sebanyak 10,116.21 MT.

Maklum balas LPNM yang diterima pada 10 Ogos 2022

Kelewatan pengagihan insentif adalah disebabkan LPNM perlu membuat semakan semula terhadap status penerima insentif asal berikutan terdapat peserta yang tidak aktif dan memberi kesan kepada pencapaian sasaran penerima.

Maklum balas LKIM yang diterima pada 2 September 2022


Hasil kendalian yang dicatat adalah bagi projek yang telah siap. Sekiranya projek yang selebihnya siap sepenuhnya, hasil kendalian ikan ini akan meningkat.

Pendapat Audit | **Sasaran program tidak tercapai sehingga akhir tahun 2021 disebabkan kelemahan pelaksanaan projek dan kekangan pergerakan dalam tempoh PKP.**

vii. Semakan Audit selanjutnya telah dijalankan terhadap maklumat/data yang diperoleh daripada pihak Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berkenaan hasil pengeluaran dalam negara. Tujuan semakan ini adalah untuk menilai sumbangan hasil pengeluaran daripada program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN berbanding pengeluaran makanan negara.

viii. Semakan Audit mendapati hasil tanaman/ternakan dan hasil kendalian ikan bagi tahun 2020 dan 2021 di bawah program Dana Jaminan Makanan PRIHATIN hanya menyumbang sebanyak 8,929.21 MT (0.1%) berbanding 8,584,942.09 MT pengeluaran tempatan pada tahun 2020 dan 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
PENGELUARAN HASIL TANAMAN/TERNAKAN DAN KENDALIAN IKAN BAGI PROGRAM DANA JAMINAN MAKANAN DI BAWAH PRIHATIN BERBANDING PENGELUARAN TEMPATAN NEGARA PADA TAHUN 2020 DAN 2021



Sumber: LPP, LKIM, DOA, DVS dan DOF

Nota: (*) - Tiada Hasil Pengeluaran Bagi Komoditi Sayur-Sayuran, Ternakan Unggas, Ternakan Ruminan dan Buah-Buahan Pada Tahun 2020 Kerana Hasil Pusingan Pertama Dituai Pada Tahun 2021
MT - Tan Metrik

Pendapat Audit | Secara umumnya, pencapaian objektif program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN iaitu memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dalam tempoh pandemik adalah sukar ditentukan. Perkara ini disebabkan sumbangan hasil pengeluaran di bawah program ini adalah sangat kecil dan tidak signifikan kepada pengeluaran hasil dalam negara.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 2 September 2022

Pemberian peruntukan PRIHATIN bagi melaksanakan projek-projek di bawah agensi MAFI pada tahun 2020 hingga 2021 adalah bersifat membantu menggerakkan semula ekonomi/menyokong aktiviti ekonomi para petani/usahawan tani/nelayan sejurus setelah kekangan pergerakan akibat Covid-19 dibenarkan oleh Kerajaan. Pemberian ini berbentuk jangka pendek bagi membantu golongan sasar.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Pengurusan Perolehan

5.2.1.1. Projek Belum Dilaksanakan di bawah Skop Program Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku

- a. Surat Unit Perancang Ekonomi bertarikh 8 Mei 2020 menyatakan LKIM diluluskan dua skop program iaitu Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku (15 projek) serta Dana Khas PNK (131 projek).
- b. Berdasarkan pencapaian output seperti di perenggan 5.1.1.1, LKIM mencatatkan prestasi pelaksanaan projek siap yang terendah bagi skop program Pembekalan Ikan Segar dan Segar Beku iaitu 6.7%. Semakan selanjutnya mendapati **lima projek masih belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021 seperti berikut:**
 - i. Projek Geran Modal Pusingan Pembelian Ikan **(RM7 Juta)** dan Projek Pusat Pengumpulan dan Pendedaran Ikan (CCDC) **(RM2 Juta)**
 - Semakan Audit mendapati anak syarikat LKIM telah dicadangkan untuk melaksanakan kedua-dua projek tersebut dengan syarat jawatan pengurus dan kakitangan lengkap diisi. Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Lembaga LKIM Bil. 2/2021 pada 20 Ogos 2021. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2021, syarikat masih belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

- Keputusan LKIM mencadangkan anak syarikat LKIM yang tidak mempunyai kapasiti untuk beroperasi bagi melaksanakan projek menyebabkan proses perolehan tidak dapat diteruskan dan projek tidak dapat dimulakan.
 - Semakan selanjutnya mendapati kegagalan melaksanakan projek Geran Modal Pusingan Pembelian Ikan turut menjejaskan penggunaan bilik sejuk LKIM Kuala Kedah yang telah siap dinaik taraf pada 4 Januari 2021 dengan kos berjumlah RM78,800. Tujuan bilik sejuk ini dinaik taraf adalah untuk penyimpanan stok bekalan ikan yang akan dibeli melalui projek Geran Modal Pusingan Pembelian Ikan.
 - Selain itu, pembekalan *chest freezer* bernilai RM40,000 kepada anak syarikat LKIM tersebut juga tertangguh atas sebab yang sama iaitu syarikat masih belum beroperasi.
- ii. Pasar Nelayan *Mobile* (**RM2.50 Juta**), Insentif Caj Penghantaran (COD) (**RM900,000**) dan Peningkatan Imej Promosi Pasar Nelayan *Mobile* (**RM50,000**).
- Semakan Audit juga mendapati LKIM belum mengenal pasti kaedah terbaik bagi pelaksanaan projek Pasar Nelayan *Mobile* yang melibatkan cadangan asal pembelian 30 motosikal dan lima lori dengan peruntukan berjumlah RM2.50 juta.
 - Kegagalan melaksanakan projek ini sebelum akhir tahun 2021 menyebabkan dua projek berkaitan iaitu projek Insentif Caj Penghantaran (COD) dan projek Peningkatan Imej Promosi Pasar Nelayan *Mobile* tidak dapat dimulakan. Peruntukan yang diluluskan bagi dua projek ini adalah berjumlah RM950,000.
- c. Secara keseluruhan sehingga 31 Disember 2021, **peruntukan yang belum digunakan oleh LKIM bagi lima projek yang belum dimulakan dan pembekalan *chest freezer* yang tertangguh adalah berjumlah RM12.49 juta (41.6%) daripada RM30 juta yang diluluskan**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERUNTUKAN BELUM DIBELANJAKAN BAGI SKOP PROGRAM PEMBEKALAN IKAN
SEGAR DAN SEGAR BEKU SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Geran Modal Pusingan Pembelian Ikan	7,000,000
2.	Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC)	2,000,000
3.	Pasar Nelayan <i>Mobile</i>	2,500,000

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
4.	Peningkatan Imej Promosi Pasar Nelayan <i>Mobile</i>	50,000
5.	Insentif Caj Penghantaran (COD)	900,000
JUMLAH KECIL		12,450,000
6.	Pembekalan <i>Chest Freezer</i>	40,000
JUMLAH KESELURUHAN		12,490,000

Sumber: LKIM

Maklum balas LKIM yang diterima pada 2 September, 7 Oktober dan 22 Disember 2022

Mesyuarat Jemaah Lembaga LKIM Bil. 2/2022 pada 15 Julai 2022 memutuskan untuk melaksanakan Program Stokpail QFISH (ikan segar beku) melalui kaedah tender terbuka bagi menggantikan projek Geran Modal Pusingan Pembelian Ikan. Surat Niat telah dikeluarkan kepada syarikat yang terpilih pada 22 September 2022 untuk melaksanakan Program Stokpail QFISH.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Peruntukan PRIHATIN Bil. 1/2022 pada 7 Mac 2022 telah bersetuju peruntukan projek Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) digunakan bagi memperkasa rangkaian CCDC atau Pemasaran Ikan Persatuan Nelayan dengan menaik taraf fasiliti sedia ada serta membekal peralatan perniagaan yang berkaitan.

Pembekalan *chest freezer* kepada anak syarikat LKIM akan digantikan dengan pembekalan *chest freezer* kepada Persatuan Nelayan yang melaksanakan pembekalan QFISH ke outlet-outlet.

Surat Setuju Terima bagi perkhidmatan sewaan kenderaan untuk kegunaan Pasar LKIM Bergerak PRIHATIN Rakyat telah dikeluarkan pada 24 Ogos 2022 kepada syarikat yang terpilih. Sewaan kenderaan ini adalah bagi menggantikan perancangan asal iaitu perolehan lori bagi Pasar Nelayan *Mobile*.

LKIM juga telah mengeluarkan surat arahan kepada LKIM Negeri pada 14 November 2022 untuk tindakan berikut:

- Mengemukakan permohonan pembelian lori 5MT, *single cab* 4x4 dan motosikal dari Persatuan Nelayan;
- Mengeluarkan waran secara berfasa kepada LKIM Negeri dan LKIM Wilayah bagi melaksanakan Promosi Jualan Prihatin Rakyat; dan
- Mengemukakan permohonan Tuntutan Insentif Penghantaran COD yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Nelayan sepanjang Perintah Kawalan pergerakan pada 18 Mac 2020 hingga 24 Jun 2021.

Pendapat Audit	Cadangan pelantikan anak syarikat LKIM yang tidak mempunyai kapasiti untuk beroperasi dan kegagalan mengenal pasti kaedah pelaksanaan projek telah menyebabkan projek tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Projek yang belum dimulakan seterusnya menjejaskan pencapaian prestasi output dan prestasi kewangan.
-----------------------	--

5.2.1.2. Perbelanjaan di Luar Skop Program yang Diluluskan

- Surat MoF bertarikh 19 Mei 2020 menyatakan bahawa kelulusan perbelanjaan Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN adalah tertakluk kepada skop program yang telah diluluskan sahaja.
- FAMA telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta untuk pelaksanaan projek Menaik Taraf Sistem *Blockchain* di bawah skop program Stok Bekalan Makanan. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM1.86 juta telah dibelanjakan menggunakan peruntukan ini.
- Bagaimanapun, semakan Audit terhadap baucar bayaran **bertarikh 23 Disember 2020 mendapati sejumlah RM521,180.16 daripada RM1.86 juta tersebut telah digunakan untuk bayaran pertama sewaan 800 komputer dan 123 komputer riba. Perolehan sewaan peralatan ini didapati tidak termasuk dalam skop projek Menaik Taraf Sistem *Blockchain*.** Selain itu, kelulusan penggunaan peruntukan PRIHATIN untuk bayaran sewaan peralatan tersebut tidak didokumenkan secara bertulis.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati perolehan sewaan 800 komputer dan 123 komputer riba ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) FAMA pada 13 Januari 2020 dan JPIC MAFI pada 11 Februari 2020 iaitu sebelum Program Dana Jaminan Makanan di bawah PRIHATIN diumumkan. Berdasarkan surat kelulusan perolehan daripada MAFI kepada FAMA bertarikh 18 Februari 2020, perolehan sewaan ini akan dibiayai menggunakan peruntukan mengurus.

Maklum balas FAMA yang diterima pada 15 September 2022


Pihak FAMA menerima teguran Audit sebagai *lesson learnt*. Perkara ini berlaku disebabkan sekatan peruntukan mengurus. FAMA mengambil pendekatan ini kerana terdapat skop perolehan 40 unit komputer untuk Pusat Operasi di bawah peruntukan

PRIHATIN. Namun, perolehan 40 unit komputer tersebut tidak dilaksanakan dan peruntukan yang diluluskan telah digunakan untuk bayaran pertama sewaan peralatan komputer. Tindakan penambahbaikan telah diambil dengan menubuhkan jawatankuasa bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program baharu iaitu Program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan tahun 2022.

5.2.2. Penggunaan Peralatan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Am2.4 Tatacara Pengurusan Aset Alih menyatakan semua Aset Alih hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.
- b. Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap 299 projek melibatkan sampel 364 jenis peralatan meliputi input pertanian/kenderaan serta kerja naik taraf/kerja awalan. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk menentukan sama ada peralatan tersebut telah digunakan mengikut maksud perolehannya.
- c. Pemeriksaan Audit yang dijalankan pada bulan Oktober dan November 2021 mendapati 348 (95.6%) daripada 364 jenis peralatan telah digunakan manakala **16 (4.4%) jenis peralatan lagi tidak digunakan. Nilai keseluruhan bagi 15 jenis peralatan yang tidak digunakan adalah berjumlah RM1.33 juta manakala nilai peralatan bagi satu projek tidak dapat ditentukan kerana perolehan dibuat secara pukal.** Contoh peralatan yang tidak digunakan adalah seperti dalam **Rajah 5** dan **Gambar 3** hingga **Gambar 6**.

RAJAH 5 PERALATAN YANG TIDAK DIGUNAKAN



Sumber: LPP, LPNM dan Jabatan Audit Negara

GAMBAR 3



PPK Bakri, LPP Johor
- Pelbagai Peralatan Tidak Digunakan
(29.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



PPK Pengerang, LPP Johor
- *Coldtruck Freezer* Tidak Digunakan
(25.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



LKIM Kuala Kedah, Kedah
- Bilik Sejuk Telah Siap Dinaik Taraf Tidak
Digunakan
(08.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



PNK Kuala Kedah, LKIM Kedah
- Peralatan dan Sistem Sonar Tidak Digunakan
(09.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas LPP yang diterima pada 23 Ogos 2022

Kesemua peralatan telah digunakan dan dibuat pemasangan.

Maklum balas LPNM yang diterima pada 22 Disember 2022

Traktor telah diserahkan kepada Koperasi Permata Jasin pada 23 Oktober 2022 manakala bilik sejuk telah digunakan.

Maklum balas LKIM yang diterima pada 28 Ogos 2022

Bilik Sejuk LKIM Kuala Kedah akan digunakan bagi Projek Stok Penimbal Ikan atau apabila berlaku masalah lambakan ikan.

Bot dan peralatan termasuk sistem sonar telah dijual setelah mendapat persetujuan daripada Ahli Lembaga Pengarah PNK Kuala Kedah dan kelulusan Pendaftar Persatuan Nelayan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Khas Persatuan Nelayan LKIM Bil. 2/2022 pada 5 Disember 2022 memutuskan PNK Kuala Kedah memulangkan semula Dana Khas PNK berjumlah RM150,000.

Pendapat Audit

Kelewatan penyediaan projek dan peralatan yang dibekalkan tidak lengkap menyebabkan sebahagian peralatan tidak/ belum dimanfaatkan oleh golongan sasaran dalam tempoh pandemik.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa pengurusan projek adalah memuaskan yang mana 78% projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Namun, keberhasilan program tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021 yang menjejaskan sasaran pengeluaran hasil. Pengurusan program adalah kurang memuaskan dari aspek pengurusan perolehan serta penggunaan peralatan dan menyebabkan manfaat program tidak diperoleh secara optimum oleh golongan sasar.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. Pemantauan terhadap pelaksanaan program perlu dijalankan secara berterusan melibatkan semua peringkat bagi memastikan program siap dilaksanakan, peruntukan dibelanjakan mengikut perancangan dan peralatan yang dibekalkan digunakan secara optimum; dan

7.2. MAFI dan Agensi menetapkan indikator untuk menilai pencapaian objektif program termasuk program yang dilaksanakan secara *ad hoc* bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program.

